

PULAU PINANG, 20 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN ARAHAN KERAJAAN BARU-BARU INI SUPAYA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGANNYA BEKERJA LEBIH KUAT DAN TEKUN JUGA DITUJUKAN KEPADA RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MAHU MELIHAT SETIAP RAKYAT TURUT SAMA MENGIKUTI ARAHAN ITU SUPAYA DAPAT BERSAMA-SAMA DALAM USAHA MEMESATKAN LAGI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

KATANYA OLEH ITU RAKYAT PERLU MENGGANGAP BAHAWA ARAHAN YANG DIKELUARKAN ITU TIDAK SEMATA-MATA DITUJUKAN KEPADA KAKITANGAN AWAM TETAPI JUGA DITUJUKAN KEPADA DIRI MEREKA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN TEH DI PERKARANGAN KEDIAMAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR. LIM CHEONG EU, DI SINI HARI INI YANG DIADAKAN SEMPENA LAWATAN RASMINYA YANG PERTAMA KE NEGERI INI.

TURUT SAMA DI MAJLIS ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, DAN PARA PEMBESAR NEGERI DAN LEBIH 2,000 ORANG TETAMU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA PARA PEGAWAI KERAJAAN DIARAHKAN SUPAYA DATANG KE PEJABAT TEPAT PADA MASA DAN SUPAYA BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH, RAKYAT JUGA PERLU MENCONTOHINYA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, MEREKA BOLEH BANGUN AWAL DAN MEMULAKAN KERJA TEPAT PADA MASA DAN YANG PALING PENTING IALAH BEKERJA DENGAN PENUH MINAT DAN JUJUR. -- BERSAMBUNG 218/MK

8644:

MAHATHIR-ARAHAN 2 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI MENEGASKAN RAKYAT TIDAK AKAN RUGI BEKERJA KUAT DAN TEKUN KERANA MEREKA JUGA NANTI AKAN MENIKMATI HASIL TITIK PELUH MEREKA.

KATANYA YANG LEBIH PENTING IALAH KETEKUNAN MEREKA ITU AKAN MENYUMBANG KE ARAH KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN NEGARA YANG LEBIH BESAR.

BELIAU BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN UNTUK MEMAJUKAN NEGARA KERANA HASILNYA NANTI TIDAK AKAN DAPAT DINIKMATI SEPENUHNYA.

SEBALIKNYA, JIKA RAKYAT SENDIRI BERUSAHA BERSAMA-SAMA KERAJAAN, HASILNYA NANTI IAITU KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN DAN PEMBANGUNAN AKAN DAPAT DINIKMATI BERSAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, +OLEH ITU KITA MESTI RAJIN BEKERJA TANPA MENGIRA APA TUGAS ATAU JAWATAN YANG DIPEGANG.+

+BAIK PEMOTONG RUMPUT ATAU PEGAWAI KANAN KERAJAAN KITA MESTI MENJALANKAN TUGAS ITU DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN PENUH MINAT.+  
-- BERSAMBUNG 2126/ZCM

MAHATHIR-ARAHAN 3 PULAU PINANG

BELIAU MENJELASKAN PERUBAHAN SIKAP YANG DIMINTA DARIPADA RAKYAT BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENJAGA ATAU MEMELIHARA KEDUDUKAN DAN KUASA KERAJAAN SUPAYA IA TERUS BEKALAN.

+SEBALIKNYA IA DIPINTA SEMATA-MATA DEMI KEPENTINGAN RAKYAT SENDIRI,+ TEGASNYA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BANGGANYA KERANA RAKYAT NEGARA INI YANG BERBILANG KAUM TELAH BERJAYA MEMUPUK PERPADUAN.

+SAYA BERBANGGA WALAU PUN MASYARAKAT NEGARA INI MEJMUK KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BEKERJA DALAM SEMUA BIDANG BAIK DI ESTET, KILANG, PEJABAT MAHUPUN DALAM PERNIAGAAN.+

+PERPADUAN INILAH YANG TELAH MEMBOLEHKAN KITA HIDUP DENGAN SEMANGAT TOLERANSI ANTARA SATU SAMA LAIN DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH+ KATANYA. -- BERSAMBUNG 2128/ZCM

119  
B654:

MAHATHIR-ARAHAN 4 PULAU PINANG

MENGENAI PULAU PINANG, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMENUHI JANJI-JANJI YANG DIBERIKAN KEPADA RAKYAT NEGERI INI.

KATANYA, SALAH SATU JANJI KERAJAAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN TALAH PEMBINAAN PROJEK JAMBATAN BERHARGA \$700 JUTA YANG AKAN MENGHUBUNGI PULAU INI DENGAN TANAH BESAR SEMENANJUNG.

BELIAU YAKIN DENGAN SIAPNYA PROJEK ITU NANTI, PULAU PINANG AKAN MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH PESAT.

MENGULAS KEBIMBANGAN SETENGAH PIHAK TENTANG KEMUNGKINAN TIMBULNYA MASALAH PENCEMARAN HASIL DARI PERLAKSANAAN PROJEK ITU, BELIAU BERKATA MASALAH INI PERLU DITANGGUNG JIKA RAKYAT MAHU MENGEJAR KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN MASALAH ITU ADALAH KECIL DAN TIDAK SEBENAR YANG DIDAKWAKAN, MALAH FAEDAH YANG AKAN DIPEROLEHI NANTI ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA MASALAH YANG AKAN LAHIR. -- BERSAMBUNG  
P1307ZC

B655:

MAHATHIR-ARAHAN 5 PULAU PINANG

SEBELUM ITU, DR. LIM DALAM UCAPANNYA, MENGULANGI IKRAR KERAJAAN NEGERI UNTUK BEKERJA RAPAT DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DALAM USAHA-USAHA MEMUPUK PERPADUAN NEGARA DAN MELAHIRKAN KEMAJUAN YANG LEBIH BESAR.

KATANYA KERAJAAN NEGERI MENYOKONG SEPENUHNYA TINDAKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MELAHIRKAN DISIPLIN, KECEKAPAN DAN DEDIKASI DI KALANGAN MASYARAKAT KHUSUSNYA DI KALANGAN KAKITANGAN AWAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBELUM ITU TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN SINGKAT DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL DI KELAB PARA PEGAWAI KERAJAAN DI JALAN MACALISTER.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO KEMUDIAN MENEMUI PARA ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI.

MALAM INI PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DIRAIKAN DALAM SATU MAJLIS JAMUAN NEGERI DI SEBUAH HOTEL DI SINI. --  
BERNAMA P1407ZCM